


Headline	Igauan 1MDB, bilakah berakhir?
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	10 Mar 2022
Page No	15
PR Value	RM 100,734



Igauan 1MDB, bilakah berakhir?

UIAM
BERHUJAH
Oleh
Dzulkifli Abdul Razak

SUDAH beberapa lama kita bergelumang dengan singkatan 1MDB sejak ia mulia mula diperkenalkan pada 2009. Ketika itu ia dianggap sebagai sebuah syarikat pembangunan strategik untuk idea dan sumber pertumbuhan baharu. Ia milik kerajaan bersama Lembaga Pengarah Nasihat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Banyak aktiviti perniagaan dimaklumkan melibatkan pelbagai pelabur di merata tempat dan nama. Goldman Sachs (GS) antara yang teraktif.

Mulai 2015, beberapa peristiwa membimbangkan mula dikesan. Ekoran ini pada Mac, penyiasatan dimulakan terhadap 1MDB. Ia merupakan satu pukulan hebat yang dirasai hampir segenap lapisan masyarakat selepas begitu banyak berita ‘baik’ dijanjikan. Ramai terpinggiringa melihatkan apa yang berlaku semasa itu apabila pegawai perundungan utama serta tokoh politik dilucutkan daripada jawatan. Ini dituruti tindakan beberapa negara lain termasuk Amerika Syarikat (AS) yang menganggapnya sebagai ‘kleptokrasi yang terburuk’.

Pada 2018, apabila kerajaan yang memerintah kalah dalam pilihan raya, belang 1MDB mula terserah. Berkotak-kotak berisi barang kepuysaan mereka yang terlibat dipunggah ke dalam satu demi satu kenderaan sebagai bahan bukti berkaitan isu-isu yang bakal diketengahkan. Pada hujung tahun itu, syarikat GS dihadapkan di mahkamah kerana terlibat dengan 1MDB. Maka bermula igauan 1MDB.

MARUAH DIRI BERKECAI

la satu kejutan yang belum pernah dirasai kerana apabila dikatakan ‘terburuk’, merujuk bukan sahaja untuk Malaysia tetapi seantero. Pun begitu, ramai yang sangsi walaupun tidak kurang mengakui rasuah

1MDB

1Malaysia Development Berhad

Forging Partnerships
Advancing Growth

SKANDAL 1MDB persis mendapat perhatian di mahkamah dunia dan terkini oleh Jabatan Perhakiman (DoJ) Amerika Syarikat. - AFP



1MDB kini sudah menempa nama di seluruh dunia, ke mana lagi hendak disorokkan muka yang bercontengan?”

dan gila kuasa sudah lama menghantui masyarakat kita. Segan silu tiada lagi. Tamak haloba mula mendapat tempat dan diraikan. Mudah bermegah dengan kekayaan tanpa mengira punca pendapatannya. Bangga dengan darjah dan nama biarpun tercela.

Menconteng arang di muka tidak lagi dipersoalkan. Pekung di dada mula terbuka apabila pembicaraan bermula pada Disember 2019, hampir sedekad lamanya.

1MDB kini sudah menempa nama di seluruh dunia, ke mana lagi hendak disorokkan muka yang bercontengan? Singkatan tersebut menggambarkan betapa maruah diri berkecaci, akibat beberapa kelompok manusia yang gelap mata dan hilang pertimbangan diri. Kejutan 1MDB terus bergema, malu tidak terhingga! Tetapi

apa nak dikata? Nasi sudah menjadi bubur.

Pada Julai 2020, mahkamah pernah menjatuhkan hukuman 12 tahun penjaran, dan RM210 juta saman kepada tertuduh. Namun, ini bukan noktahnya. Ada yang masih boleh bergelak ketawa di pekarangan mahkamah dan selamba sahaja. Malah ke sana-sini menabur kata serta memberi nasihat kepada rakyat jelata. Apatah lagi menyindir mereka yang tidak sekata. Tidak kira tua atau muda dan sering juga mengadu domba untuk meraih populariti. Saling menghormati bukannya lagi cara bagi mereka. Masih angkuh dengan kuasa walaupun tidak seberera. Maka igauan 1MDB terus menyeka jiwa anak bangsa. Apakan jadi kepada nasib mereka, negara dan agama? Di mana silapnya?

Kejutan demikian kejutan terus berlaku apabila 1MDB melangkau bendul negara ke AS, Eropah apa lagi Asia. Enam negara semuanya dengan watak-watak hebat yang mula menyerlah dan memeranjatkan ramai. Bukan tertumpu kepada mana-mana suku bangsa, malah turut melibat pelbagai warga antarabangsa. Hanya rasuah berupaya menyatakan mereka ini atas dasar tamak

haloba, tidak kira rupa dan bangsa. Nama-nama disegani menjelma satu persatu mewakili jenama syarikat ternama, kononnya yang terbaik di dunia.

Ada yang menjadi pelarian jenayah, baling batu sorok tangan. Ada yang dikenali sebagai ‘penyamun tonggong’ atau *plundering idiot*, bak kata akhbar antarabangsa. 1MDB persis mendapat perhatian di mahkamah dunia, terkini Jabatan Perhakiman (DoJ) AS.

Penyelongkaran terkini agak luar biasa. Tohmann yang seluruhnya berkisar di bilik-bilik mesyuarat dan pejabat pengurusan tertinggi korporat kini menyusup masuki kamar-kamar tidur mengikut seorang pengurus ‘keparat’. Skandal rumah tangga berbaur seks terdedah melalui pelbagai pengakuan mahkamah terbuka. Maruah diri berkecaci menjadi lebih nyata. 1MDB nampaknya tidak akan reda dalam masa terdekat ini untuk menutup aib. Sebaliknya akan lebih bermaharajalela dengan adegan-adegan mengejutkan lagi dunia cetusan daripada proses penghakiman DoJ. Ia melibatkan pelbagai dakaun daripada seorang pegawai kewangan tertinggi GS. Beliau mengaitkan lebih banyak individu dan peristiwa

yang tidak terduga. Tidak ketinggalan dalam utama yang menghilangkan diri dari muka pengadilan. Di samping itu, nama-nama pemimpin serta yang berkepentingan juga disebut-sebut. Yang jelas terlibat adalah beberapa wanita tempatan ternama dan berjaya dalam kerjaya mereka turut menjadi mangsa igauan 1MDB.

MENEBUG MARUAH

Apa pun, semua ini tidak dihiraukan oleh pelbagai pihak yang maruah dirinya sudah pun berkecaci. Tiada lagi sempadan berpaduan nilai-nilai etika apalagi agama, walaupun ramai yang terpalit mempunyai pendidikan tinggi serta berjaya dari segi pengaruh masing-masing. Ini seolah-olah menjadi suatu kecenderungan dalam desakan mencari ketentuan hidup apa sahaja. 1MDB tidak syak lagi satu igauan amat malang bagi rakyat Malaysia teramai.

Bila ia akan berakhiri, menjadi teka-teki yang tidak berpenghujung. Setiap saat dan ketika ada sahaja yang terbongkar dan satu lagi kejutan yang lebih memalukan. Apatah lagi seolah-olah hanya anak watan yang terjebak dalam perbuatan sekeji ini. Lihat sahaja setiap persidangan mahkamah yang diadakan. Baik tertuduh, penyokong malah barisan yang mendakwa dan membela hampir semua berkultiv sawo matang belaka. Yang lainnya pandai melenyapkan diri atau berputar belit hal sehinggakan tidak dapat disentuh langsung oleh undang-undang negara maupun antarabangsa. Cukup pandai mengelak dan berdahul serta menuding jari. Dengan lain perkataan, satu pihak lumrah memperbolokan, yang satu lagi untuk menjerat diri sendiri. Termasuk soal maruah anak bangsa sebagai igauan yang akan terus menghantui generasi ke generasi jika kita gagal menebus maruah diri angkara sekerat dua yang lupa daratan, bak kaduk naik junjung.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).